

UNTUK SIARAN SEGERA

PANASONIC MEMULAKAN USAHA-USAHA PELEPASAN BANJIR UNTUK PANTAI TIMUR, MALAYSIA

Putrajaya, 13 Februari 2015 - Sebagai sebahagian daripada usaha-usaha bantuan banjir, Kumpulan Syarikat Panasonic di Malaysia menyumbangkan produk ke sekolah-sekolah di negeri Kelantan dan Pahang. Sumbangan yang bernilai RM655,233 itu termasuk 120 unit televisyen pintar 42", 88 unit projektor LCD, 127 unit mesin basuh berkapasiti 10kg setiap satu dan 940 unit seterika. Sumbangan ini adalah selaras dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), bertujuan untuk memberi bantuan kepada 88 buah sekolah yang terjejas teruk akibat banjir baru-baru ini.

Antara 88 sekolah yang terpilih termasuklah sekolah harian biasa, sekolah berasrama dan sekolah berasrama penuh.

Pengarah Urusan Panasonic Management Malaysia Sdn Bhd, Toshiro Okamoto, berkata, "Banjir yang berlaku pada bulan Disember tahun lalu adalah salah satu banjir yang paling teruk negara ini dalam tempoh 30 tahun. Rantau timur Malaysia telah terjejas teruk. Kehidupan seharian terganggu dan lebih daripada 220,000 orang telah kehilangan tempat tinggal. Panasonic berharap untuk menyumbang dan menyokong usaha-usaha pembinaan semula secara aktif, seperti dengan menyediakan suasana pembelajaran yang kondusif untuk pelajar-pelajar di Kelantan dan Pahang. Kami mahu memastikan mereka boleh meneruskan pendidikan mereka selepas bencana ini."

Sumbangan ini adalah sebahagian daripada usaha sumbangan kemasyarakatan Panasonic untuk mewujudkan kehidupan yang lebih baik, dunia yang lebih baik untuk negeri-negeri yang terlibat di Pantai Timur. Syarikat ini juga sedang dalam proses perbincangan akhir dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) untuk menyumbang RM100,000 yang akan disalurkan untuk tujuan pembinaan rumah untuk mangsa-mangsa banjir. Sebelum ini, Panasonic telah menderma sebanyak 1,500 lampu suluh dan 4,000 biji bateri melalui organisasi tanpa untung (NPO) dan telah membentuk sebuah Pasukan Petugas Banjir untuk menawarkan perkhidmatan sokongan dan kerja-kerja pembaikan. Secara keseluruhannya, Kumpulan Syarikat Panasonic di Malaysia telah menyumbang sebanyak RM851,182 di bawah usaha-usaha bantuan banjir.

###

Maklumat mengenai Kumpulan Panasonic di Malaysia

Terkenal dengan nama jenama Panasonic, Panasonic Corporation, yang berpangkalan di Osaka, Jepun adalah satu pemimpin bertaraf global dalam pembangunan dan pembuatan produk elektronik untuk pelbagai pengguna, perniagaan dan industri.

Kumpulan Panasonic di Malaysia terdiri dari 20 syarikat yang mana 10 daripadanya adalah syarikat perkilangan, 5 syarikat jualan dan kejuruteraan, 1 syarikat penyelidikan dan pembangunan, 2 syarikat kewangan dan insurans, 1 syarikat logistik dan perolehan dan 1 syarikat pegangan dan perkhidmatan pengurusan pelaburan; kesemuanya beroperasi di bawah misi perniagaan mereka yang tersendiri untuk meningkatkan kualiti hidup selaras dengan prinsip mereka iaitu sumbangan kepada masyarakat dari pelbagai aspek kehidupan dengan tumpuan utama pada produk, pendidikan, masyarakat dan alam sekitar.

Hubungan Media Mazlee Mokhtar
 Eksekutif Kanan, Komunikasi Korporat & Penjenamaan
 Bahagian Inovasi Pemasaran
 Panasonic Malaysia Sdn Bhd
 Tel: 03 7809 7877, 019 3837164 Faks: 03 7955 0722
 Email: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com